


'KETIADAAN' HAJI HANAFI HAJI AHMAD

# Satu kehilangan besar bagi ahli Silat Cekak

- 5 SEP 1987



SILAT Cekak adalah sejenis seni mempertahankan diri yang terkenal di negara ini. Kemasyhurannya setanding dengan silat-silat lain seperti Silat Lincah, Silat Gayung, Silat Gayung Buyung Patani, Silat Pancasila Gayung Harimau, Silat Bunga, Silat Badar dan Silat Kalimah.

Seperti kumpulan-kumpulan silat lain, Silat Cekak juga mempunyai persatuannya sendiri iaitu Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM). Di kalangan ahli Silat Cekak Malaysia, Allahyarham Haji Hanafi Haji Ahmad, (gambar) adalah nama yang tidak asing bagi mereka kerana beliau adalah pengasas persatuan itu.

Haji Hanafi meninggal dunia pada 13 Ogos tahun lalu. Beliau meninggalkan seorang balu iaitu Puan Maimunah Othman, dan enam anak serta lebih 10,000 ahli Silat Cekak di seluruh negara.

Kematiannya dianggap oleh ramai orang terutama ahli-ahli PSSCM sebagai satu kehilangan besar. Jasanya kepada perkembangan Silat Cekak dan masyarakat di tanahair tidak ternilai.

Allahyarham Haji Hanafi mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu dan pendidikan agama di sekolah pondok di Kedah. Ketika berusia 18 tahun, beliau keluar merantau sambil menjual ubat bersama guru dan bapa angkatnya yang dikenali sebagai Pak Ngah Sharif, yang berasal dari Tokai Kedah.

Beliau adalah salah seorang ahli Persatuan Seberkas Kedah yang bergerak cergas meniuip semangat perjuangan di kalangan orang Melayu pada zaman sebelum dan selepas merdeka. Rakan-rakan seperjuangan beliau yang lain termasuklah Tan Sri Mohd Khir Johari, Datuk Senu Abdul Rahman dan Encik Mashor Mohamad.

Pendirian politikinya adalah untuk memperjuangkan semangat ke-



■ KUNCI MAUT... salah satu pergerakan dalam Silat Cekak.

bangsaan Melayu. Fahaman politikinya secukup dengan pengasas Umno, Allahyarham Datuk Onn Jaafar. — 5 SEP 1987

Kira-kira hampir dua dekad beliau berketimpung dalam arena politik dan menyedari perubahan suasana politik semasa, beliau meninggalkan bidang politik serta menumpukan sepenuhnya perhatian kepada dunia persilatan.

Ketika usia mudanya, Allahyarham Haji Han-

afi, banyak mempelajari seni silat Melayu dan mendalami bidang agama khususnya Ilmu Tauhid. Antara tokoh agama yang menjadi gurunya ialah Kiai Fathul Suhaimi dan Haji Abdullah Faim.

Allahyarham Haji Hanafi tidak kecut ilmu. Beliau berusaha mengembangkan segala ilmu keagamaan dan kemasyarakatan yang dipelajari itu kepada seluruh anak bangsanya.

Dalam dunia persilatan, beliau berjaya menyemarakkan semula Silat Cekak. Tanpa usahanya, silat itu mungkin luput ditelan zaman.

Allahyarham Haji Hanafi juga adalah antara beberapa pengasas penubuhan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) pada 1984.

Di peringkat antarabangsa, beliau juga telah mewakili Malaysia